

# Kawal kos

## penerbangan: PM

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mohamad~~ mengingatkan pengusaha industri penerbangan swasta supaya mengawal kos perkhidmatan bagi memastikan ia dapat bertahan lama.

"Kalau kita menawarkan kos yang tinggi, harapan kita untuk menubuhkan sekolah latihan penerbangan terbaik di dunia tidak akan tercapai," katanya di pelancaran penubuhan Sekolah Penerbangan Mofaz Air di sini semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri tiba di pulau itu dengan pesawat Starship I buatan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir juga bangga kerana kumpulan Mo-

faz, syarikat milik Bumi-putera meneroka bidang sekolah latihan penerbangan komersil selaras seruan kerajaan menggalakkan industri penerbangan di negara ini.

Oleh kerana Mofaz sebagai industri penerbangan pertama membabitkan swasta, Dr Mahathir menyifatkan penubuhan sekolah latihan penerbangan itu penting bukan saja bagi keperluan Malaysia, malah dirantau Asia Tenggara.

Perdana Menteri juga bangga berikutan langkah Mofaz membuka peluang latihan penerbangan bagi juruterbang luar negara dan sekaligus memperkenalkan Malaysia dan mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Reliau berkata, di segi teknologi latihan yang disediakan syarikat tempatan adalah setanding latihan penerbangan komersil di luar negara, tetapi berbeza di segi kos.

"Inilah perkara yang harus diingat sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir yakin, sekolah penerbangan Mofaz Air di Langkawi mempunyai taraf yang sama dengan sekolah latihan seumpamanya di dunia.

Beliau juga berpendapat, Langkawi sebagai tempat terbaik sekali untuk melatih juruterbang kerana mempunyai lapangan terbang yang lengkap, di samping tidak banyak penerbangan yang membolehkan pelatih membuat penerbangan mudah.